

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE
KAWASAN : GOPENG

SOALAN:

YB. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan untuk jalan akses yang baru dari Bandar Kampar ke Lebu Raya Utara Selatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tiada perancangan untuk membina jalan susur keluar masuk yang baru dari Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) ke laluan Kampar, Perak. Ini kerana cadangan jalan susur keluar masuk itu tidak termasuk dalam skop perjanjian konsesi PLUS. Pada masa kini pengguna Lebuhraya PLUS yang berhasrat menuju ke bandar Kampar masih boleh menggunakan akses PLUS di persimpangan bertingkat Tapah (exit 132) dan persimpangan bertingkat Gopeng (exit 135), iaitu mengambil tempoh masa kurang 30 minit masa perjalanan normal.

Sekian, terima kasih.